

**PERANAN PENGETUA SEBAGAI PEMIMPIN PENGAJARAN DAN  
PEMIMPIN PENTADBIRAN: PERSEPSI GURU-GURU DI SEBUAH  
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KOTA SETAR, KEDAH**

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk melihat dan mengenalpasti peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran melalui beberapa domain tingkahlaku berdasarkan persepsi guru-guru. Kajian ini juga untuk melihat sama ada terdapat perbezaan persepsi guru-guru terhadap peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran berdasarkan beberapa pembolehubah bebas. Soal selidik PIMRS dan ABQ yang telah diubahsuai mengandungi 65 item berdasarkan skala kadar empat mata telah digunakan untuk tujuan kajian ini. Seramai 70 orang guru di sebuah sekolah menengah di daerah Kota Setar telah digunakan sebagai responden kajian. Terdapat sebelas hipotesis kajian dirangka bertujuan mencari jawapan bagi soalan-soalan kajian berdasarkan pembolehubah yang ditetapkan. Statistik deskriptif dan inferensi yang melibatkan Ujian t, Khi kuasa dua dan korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengetua telah melaksanakan peranannya sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran secara aktif. Domain tingkahlaku pengetua yang sangat aktif sebagai pemimpin pengajaran ialah membina iklim sekolah yang kondusif. Manakala mengurus fail, dokumen dan kemudahan sekolah, membahagi dan menyusun tugas guru merupakan tingkahlaku yang sangat aktif dilaksanakan oleh pengetua sebagai pemimpin pentadbiran. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan persepsi guru-guru yang berlainan jantina, kelayakan akademik dan lama mengenali pengetua terhadap peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran. Manakala persepsi guru-guru yang berlainan umur dan

tempoh berkhidmat menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan. Hasil kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi guru-guru terhadap peranan pengetua sebagai pemimpin pentadbiran berdasarkan perbezaan umur, tempoh berkhidmat, kelayakan akademik dan tempoh guru telah mengenali pengetua. Kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan sederhana di antara peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran dengan pemimpin pentadbiran. Berdasarkan dapatan ini, pengkaji juga telah mengemukakan beberapa cadangan dan pandangan untuk memperbaiki lagi kualiti kepimpinan pengajaran dan pentadbiran di kalangan pengetua di sekolah menengah supaya keberkesanan sekolah dapat dipertingkatkan.

**THE ROLE OF THE PRINCIPAL AS THE LEADER OF INSTRUCTIONAL  
AND ADMINISTRATION : PERCEPTIONS OF TEACHERS IN ONE  
SECONDARY SCHOOL IN THE DISTRICT OF KOTA SETAR, KEDAH**

**ABSTRACT**

This study aims to look at and identify the role of the principal as <sup>an</sup> the instructional and administration leader through a few behavioural domain based on teachers' perceptions. This study also aims to see whether there are differences in the perceptions of teachers towards the role of principal as the instructional and administration leader based on a few independent variants. The PIMRS and ABQ questionnaires which have been altered comprising 65 items based on the four-point rate scale were used in this study. 70 teachers in one secondary school in the district of Kota Setar were used as the the research's respondents. There were eleven <sup>2</sup>hypothesis constructed in order to find the answers to the research questions based on the specified variants. Descriptive and inferential statistics <sup>used included</sup> involved the t-Test, Chi Square and Pearson's correlation were used to <sup>analyse</sup> analyse data. The findings of this study show <sup>ad</sup> that the principal has carried out the role as <sup>an</sup> the instructional and administration leader <sup>ve</sup> actively. The most active behavioral domain of the principal as the instructional leader <sup>is</sup> to create a conducive school climate. Where as managing files, documents and school facilities, dividing and arranging teachers duties are very active behaviours carried out by the principal as the administration leader. This study also <sup>found</sup> find out that there <sup>were</sup> are no differences in the perceptions of <sup>male and female</sup> teachers of <sup>different</sup> different genders, <sup>academic 5 different</sup> academic qualifications, and the period of knowing the principal towards the role of the principal as the instructional leader. However, the perceptions of teachers of different ages, and year of service show a significant difference. The findings of this

study also show that there are no differences in the perceptions of teachers towards the role of the principal as the administration based on age, years of service, academic qualification and the period of knowing the principal. The finding also show that there is a significant relationship between the role of the principal as the instructional and administration leader. Based on these findings, the researcher has recommended a few suggestions and views to further improve the quality of instructional and administrative leadership among secondary school principals so that the school's effectiveness could be improved.